



## **Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan Rakan Niaga**

(Untuk dibaca bersama Panduan Antirasuah dan Korupsi (ABAC))

Kumpulan PLUS berpegang pada prinsip toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi seperti yang digariskan dalam panduan antirasuah & korupsi PLUS. Oleh itu, semua Rakan Niaga dikehendaki mengisytiharkan sebarang konflik kepentingan yang sebenar, berpotensi atau dilihat dalam tempoh yang berikut:

- a) Secara berjadual walaupun Rakan Niaga tidak mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan semasa dalam kontrak.
- b) Apabila diperlukan dan menyedari berlakunya konflik tersebut. Oleh itu, kami memerlukan anda untuk mengisi borang ini dengan berintegriti.

### **1. Prinsip kami**

Rakan Niaga PLUS akan mengisytiharkan konflik kepentingan pada asas yang dijadualkan dan di mana konflik sebenar, potensi atau dirasakan timbul.

### **2. Apakah yang dimaksudkan dengan konflik kepentingan?**

"Konflik kepentingan" timbul dalam situasi di mana anda berada atau mungkin dalam kedudukan untuk mengambil kesempatan daripada peranan anda dengan menggunakan maklumat sulit, aset atau harta intelek untuk manfaat diri sendiri atau orang yang berkait rapat dengan anda.

### **3. Siapakah orang yang berkait rapat?**

"Orang yang berkait rapat" ialah seseorang yang berurusan dengan anda, mempunyai hubungan peribadi dengan, atau sesiapa yang tinggal serumah dengan anda. Ini adalah istilah yang lebih luas daripada 'saudara' atau 'keluarga terdekat'. Berdasarkan taksiran SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), 'saudara' termasuklah:

- a) Pasangan
- b) Adik-beradik (lelaki/ perempuan)
- c) Adik-beradik pasangan
- d) Keturunan (datuk/ nenek/ anak/ cucu) termasuk pasangan dan adik-beradik pasangan anda
- e) Bapa saudara, ibu saudara atau sepupu
- f) Menantu lelaki/ perempuan
- g) Kawan



#### 4. Jenis-jenis konflik kepentingan

Anda dikehendaki mengisytiharkan konflik kepentingan apabila berhadapan dalam situasi berikut:

a) Konflik kepentingan sebenar

Konflik kepentingan sebenar ialah apabila anda menghadapi konflik yang sebenar. Ini akan berlaku jika anda mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh PLUS berkenaan dengan urusan perniagaan, perusahaan atau entiti yang dimiliki atau sebahagiannya dimiliki oleh anda, ahli keluarga/ seisi rumah, rakan kongsi atau rakan anda.

b) Konflik kepentingan yang berpotensi

Konflik kepentingan yang berpotensi terjadi apabila anda berada dalam atau mungkin dalam keadaan yang boleh mengakibatkan konflik tetapi belum sepenuhnya berlaku.

c) Konflik kepentingan yang dirasakan

Konflik kepentingan yang dirasakan/ dilihat ialah apabila anda berada dalam keadaan yang mungkin kelihatan seperti konflik, walaupun ia tidak berlaku.

#### 5. Anda akan berada dalam konflik kepentingan sekiranya:

a) Orang yang berkait rapat dengan anda merupakan kakitangan atau Rakan Niaga Kumpulan PLUS, sama ada untuk perkara peribadi atau profesional, berasaskan hubungan komersial mereka dengan PLUS.

b) Anda mempunyai kepentingan dalam Kumpulan PLUS di mana anda berminat untuk berurusan atau sedang berurusan dengan PLUS dan anda mungkin akan mendapat keutamaan.

c) Anda mempunyai pegangan saham utama dalam Kumpulan PLUS di mana anda sedang dalam proses untuk berurusan atau sedang berurusan dengan PLUS. Sila ambil perhatian bahawa, klausa ini terpakai kepada sesiapa yang mempunyai pegangan saham yang besar dalam Syarikat, jika beliau mempunyai tidak kurang daripada 5% daripada jumlah keseluruhan pegangan saham dalam syarikat tersebut.



## 6. Polisi privasi dan Notis

Dengan menyerahkan maklumat yang diminta, menandatangani dan menyerahkan Borang Deklarasi Konflik Kepentingan untuk Rakan Niaga ini kepada PLUS, anda dengan ini menyatakan kepada kami perkara berikut:

- a) Bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada Orang Berkait Rapat dengan anda untuk memberikan maklumat peribadi mereka kepada kami selaras dengan Polisi dan Notis Privasi PLUS, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta 709") dan perintah-perintah di bawah Akta tersebut; dan
- b) Bahawa anda telah bersetuju bagi sebarang maklumat peribadi yang dikumpulkan oleh pihak kami akan diproses selaras dengan Polisi dan Notis Privasi PLUS yang boleh didapati di laman web korporat kami melalui [www.plus.com.my](http://www.plus.com.my).

Dengan mengambil kira urusan perniagaan dengan PLUS, saya mendedahkan yang berikut:

Saya tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan berdasarkan definisi konflik kepentingan yang ditetapkan dalam borang ini

Saya mempunyai konflik kepentingan seperti yang dinyatakan di bawah.  
\*sila lengkapkan maklumat di muka surat 4



Sila lengkapkan butiran berikut sekiranya terdapat konflik kepentingan dengan Kakitangan PLUS.

Bil	Nama Kakitangan PLUS	Jawatan dalam PLUS	Hubungan
1			
2			
3			
4			
5			

Sila lengkapkan butiran berikut sekiranya terdapat konflik kepentingan dengan Rakan Niaga PLUS.

Bil	Nama Rakan Niaga PLUS	Lokasi Gerai	No Gerai	Hubungan
1				
2				
3				
4				
5				



Saya dengan ini mengesahkan bahawa:

- a) Saya telah membaca dan memahami Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan ini;
- b) Pendedahan yang dibuat di dalam Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan ini adalah lengkap dan betul;
- c) Saya telah mendapatkan persetujuan daripada Orang Berkait Rapat dengan saya, seperti yang dimaksudkan di Perenggan 3 dalam Borang Deklarasi Konflik Kepentingan untuk Rakan Niaga, untuk memberikan maklumat peribadi mereka kepada PLUS selaras dengan Polisi dan Notis Privasi PLUS, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta") dan perintah-perintah di bawah Akta tersebut; dan
- d) Saya telah membaca dan memahami Polisi dan Notis Privasi PLUS yang boleh didapati di laman web korporat melalui [www.plus.com.my](http://www.plus.com.my) dan saya dengan ini bersetuju bahawa sebarang maklumat peribadi yang dikumpulkan oleh PLUS akan diproses selaras dengan Polisi dan Notis Privasi PLUS.

Saya bersetuju bahawa jika saya menyedari sebarang maklumat yang mungkin berubah di dalam borang pengisytiharan ini, saya akan segera memaklumkan kepada PLUS.

**Ditandatangani oleh:**

**Disaksikan oleh:**

.....

Nama:

No IC:

Tarikh:

.....

Nama:

No IC:

Tarikh: